



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN (MNKT) LULUS GARIS PANDUAN PERANCANGAN BANDAR RENDAH KARBON DAN BERDAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

KUALA LUMPUR, 3 Mac 2025 - Kerajaan pada hari ini bersetuju dan komited untuk menyediakan perancangan bandar yang mengutamakan pembangunan mampan melalui keputusan-keputusan yang telah dicapai dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT). Mesyuarat MNKT ke-85 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bertempat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur petang ini.

Sebanyak lima (5) kertas telah dibentangkan merangkumi tiga (3) kertas pertimbangan dan dua (2) kertas makluman. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, EXCO Kerajaan Negeri, Menteri-menteri Persekutuan yang berkaitan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk menyediakan persekitaran pembangunan yang mampan, **MNKT ke-85 pada hari ini telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon dan Berdaya Tahan Perubahan Iklim.** Garis panduan ini akan menjadi dokumen penting untuk mendepani perubahan iklim dalam perancangan bandar melalui penyediaan rancangan pemajuan khususnya Rancangan Tempatan (RT) yang mengarusperdana strategi rendah karbon. Proses penyediaan RT di masa hadapan juga akan menjadi lebih berdaya laksana bersandarkan penggunaan data saintifik dan maklumat pelepasan *Green House Gas* (GHG). Ini seterusnya akan membantu aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara GHG Sifar Bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.

MNKT ke-85 turut bersetuju dengan Cadangan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat Bagi Kesalahan Pembuangan Sampah Kecil Melalui Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025, Rang Undang-Undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 dan Rang Undang-Undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025. Pelaksanaan perintah

khidmat masyarakat ini bertujuan untuk membantu pihak Kerajaan dalam membendung dan menangani aktiviti pembuangan sampah kecil di samping mendidik pesalah supaya prihatin terhadap kebersihan persekitaran bagi mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar mahupun risiko penyakit. Pelaksanaan hukuman khidmat masyarakat ini juga merupakan salah satu usaha bagi menyokong dasar-dasar Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, Blueprint Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal serta Dasar Kebersihan Negara dalam memastikan masyarakat menjadi lebih cakna terhadap kepentingan amalan kebersihan dan menjadikannya sebagai satu budaya dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana penjagaan kebersihan alam sekitar merupakan tanggungjawab dan komitmen bersama seluruh warga Malaysia dan bukan hanya terletak pada pihak Kerajaan semata-mata.

Selain itu, bagi meneruskan perancangan bandar yang mengutamakan pembangunan mampan, **MNKT ke-85 telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan kriteria naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**. Cadangan ini adalah untuk menambah baik kriteria naik taraf PBT semasa berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun 2008. Penambahbaikan ini dilakukan bagi memastikan perkhidmatan perbandaran yang lebih cekap serta menyokong pembangunan mampan agar seajar dengan kerangka dasar pembangunan dan perancangan bandar global seperti *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *New Urban Agenda*. Cadangan penambahbaikan ini akan melibatkan proses permohonan dan penilaian naik taraf untuk memastikan setiap permohonan dinilai secara teliti dan menyeluruh. Selain itu, sebuah jawatankuasa penilai yang disertai oleh kementerian dan jabatan yang berkaitan juga akan ditubuhkan bagi mempertimbangkan setiap permohonan berdasarkan kriteria yang telah dipersetujui.

Seterusnya, **Mesyuarat MNKT ke-85 turut mengambil maklum mengenai Penambahbaikan Permohonan Penubuhan Hospital Swasta di Bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]**. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan kerana telah memendekkan tempoh permohonan daripada 24 bulan kepada 6 bulan sahaja. Penambahbaikan ini juga dapat mempercepatkan kelulusan bagi pemohon, mengoptimumkan penggunaan sumber manusia serta menggalakkan pertumbuhan pelaburan dalam sektor kesihatan swasta.

Mesyuarat MNKT ke-85 juga mengambil maklum mengenai Penambahbaikan Permohonan Kelulusan Persembahan Artis Luar Negara Kategori Konsert. Penambahbaikan ini akan dimulakan dengan *pilot test* di beberapa daerah terpilih dan proses permohonan penganjuran konsert akan dibuat melalui sistem ePUSPAL bagi memastikan ketelusan maklumat dan pertimbangan kelulusan dilaksanakan secara menyeluruh dan efisien. Penambahbaikan ini juga dapat memendekkan tempoh permohonan kelulusan penganjuran konsert artis luar negara daripada 44 hari kepada kurang daripada 30 hari. Secara tidak langsung, inisiatif Kementerian Komunikasi ini dapat membantu pengurusan hasil pendapatan PBT lebih teratur, tiada keciciran

maklumat berkaitan penganjuran konsert di peringkat PBT dan hasil pendapatan PBT dijangka akan meningkat.

Mesyuarat MNKT merupakan medium perundingan bagi penggubalan dasar dan perundungan berkaitan hal ehwal Kerajaan Tempatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan. Keputusan-keputusan dasar dan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat MNKT akan dibawa untuk perhatian Kerajaan Negeri sebelum ia dilaksanakan di peringkat Kerajaan Tempatan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/ agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my

